

# Pandemik Covid-19: Kontrak Komersial Dan Klausula Force Majeure

## (Pandemic Covid-19: Commercial Contract And Force Majeure Clause)

NAZIRAH KAMARUZAMAN

### ABSTRAK

Wabak Covid-19, pertama kali dikenalpasti di wilayah Wuhan, China pada pertengahan bulan Disember 2019, merupakan satu penyakit yang berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Kadar penularan wabak Covid-19 yang tinggi sehingga mencecah angka 126,702 kes aktif pada awal bulan Mac 2020, memaksa Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengiktiraf wabak Covid-19 ini sebagai satu pandemik. Krisis pandemik Covid-19 ini telah memberikan impak yang sangat besar ke atas sektor ekonomi dan komersial dunia. Perintah berkurung dan kawalan pergerakan yang diisytiharkan oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan pandemik Covid-19, secara tidak langsung telah mengubah norma seharian dan menyukarkan pihak-pihak berkontrak menyempurnakan tanggungjawab mereka di bawah kontrak komersial yang telah dimasuki. Keadaan ini telah memaksa pihak-pihak berkontrak untuk menyemak semula peruntukan yang telah diperuntukkan dalam kontrak yang telah dimasuki bagi melindungi kepentingan mereka akibat kegagalan menyempurnakan kewajipan di bawah kontrak. Salah satu "jalan keluar" yang akan diambil oleh pihak-pihak yang berkepentingan ini adalah dengan menggunakan klausa force majeure, di mana secara umumnya konsep force majeure merupakan satu hak yang diberikan kepada pihak-pihak berkontrak bagi menggantung atau membatalkan kontrak komersial sekiranya berlaku kejadian yang tidak dapat dijangka atau dikawal, sehingga mengakibatkan kegagalan menyempurnakan kewajipan di bawah kontrak komersial. Persoalan utama yang akan dinilai melalui artikel ini, ialah, sejauh manakah peruntukan force majeure dalam kontrak komersial mampu melindungi kepentingan pihak-pihak yang berkontrak, dalam pada dunia berhadapan dengan pandemik Covid-19. Artikel ini akan menggariskan tiga objektif utama iaitu (i) menganalisis takrifan terma force majeure serta meninjau isu-isu berkaitan force majeure di Malaysia; (ii) mengenalpasti dan menganalisis kedudukan undang-undang berhubung dengan konsep force majeure di Malaysia; dan (iii) mencadangkan remedi alternatif bagi melindungi kepentingan pihak-pihak berkontrak, bersesuaian dengan situasi semasa pandemik Covid-19. Bagi mencapai objektif-objektif ini, artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat perundangan tulen. Data bagi artikel ini dikumpul melalui kajian kepustakaan, memfokuskan statut undang-undang dan artikel undang-undang sebagai sumber primer. Seterusnya, artikel ini akan mencadangkan supaya pihak-pihak yang terkesan akibat pandemik Covid-19 menyemak semula dan menambahbaik peruntukan klausa force majeure dalam kontrak sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa pandemik Covid-19.

*Kata kunci: pandemik Covid-19; klausa force majeure; kontrak komersial*

### ABSTRACT

The Covid-19 epidemic, first identified in Wuhan province, China in mid-December 2019, is a disease caused by the severe acute respiratory syndrome 2 (SARS-CoV-2). The high transmission rate of the Covid-19 epidemic reached 126,702 active cases in early March 2020, forcing the World Health Organization to recognize the Covid-19 epidemic as a pandemic. The Covid-19 pandemic crisis has had a tremendous impact on the world economic and commercial sectors. The lockdown and movement control order declared by the government to curb the spread of the Covid-19 pandemic, have indirectly changed daily norms and made it difficult for parties to fulfill their responsibilities under commercial contracts which they have entered into. This situation has forced the contracting parties to review the provisions in the agreed commercial contract in order to protect their interests due to failure to fulfill the obligations under the contract. One of the ways out available to affected parties are to apply the force majeure clause, where generally the concept of force majeure is a right given to the contracting parties to suspend or cancel a commercial contract in the event of an unpredictable or uncontrollable incident, resulting in failure to fulfill obligations under commercial contracts. The main question which will be evaluated through this article, is, to what extent the provision of force majeure in commercial contracts able to protect the interests of the contracting parties, as the world is facing the Covid-19 pandemic. This article will outline three main objectives namely (i) analyse the definition of force majeure terms as well as review issues related to force majeure in Malaysia; (ii) identify and analyse the legal position in relation to the concept of force majeure in Malaysia; and (iii) propose alternative remedies to protect the interests of the contracting parties, appropriate to the current situation of the Covid-19 pandemic. To achieve these objectives, this article uses a qualitative approach of a purely legal nature. Data for this article was collected through a literature review, focusing on

*legal statutes and legal articles as primary sources. Next, this article will suggest that parties affected by the Covid-19 pandemic to review and improve the provision of force majeure clauses in existing and new contracts to meet the current needs of the Covid-19 pandemic.*

*Keywords: pandemic Covid-19; force majeure clause; commercial contract*

## PENGENALAN

Pandemik Covid-19 merupakan satu pandemik yang menular melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin atau melalui sentuhan tangan. Sehingga bulan Disember 2020, sebanyak 72,756,494 juta kes pandemik Covid-19 telah dilaporkan di lebih 220 buah negara di dunia. Penularan pandemik Covid-19 yang tinggi telah memaksa kebanyakan negara di dunia menutup sempadan negara dan melaksanakan perintah berkurung atau perintah kawalan pergerakan bagi membendung penularan pandemik Covid-19. China merupakan negara terawal yang mengumumkan perintah sekatan pergerakan masuk dan keluar berskala besar di bandar Wuhan dengan populasi 11 juta penduduk. Sekolah, pejabat, pasaraya, kedai diarahkan ditutup. Akibatnya, penduduk di bandar Wuhan terpaksa berkurung di dalam rumah, dan hanya dibenarkan keluar rumah bagi mendapatkan keperluan asas atau mendapatkan rawatan kesihatan. Usaha kerajaan China dalam membendung penularan pandemik Covid-19 melalui pengumuman perintah berkurung ini membuahkan hasil apabila bandar Wuhan tidak merekodkan sebarang kes jangkitan tempatan baharu, selepas dua bulan dikuarantin dan dikawal rapat.

Malaysia mula merasakan tempas pandemik Covid-19 apabila kes pertama jangkitan pandemik Covid-19 dicatatkan pada bulan Januari 2020. Seterusnya, pada bulan Mac 2020, Malaysia dikejutkan dengan penularan pandemik Covid-19 pada skala besar akibat daripada perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling pada 27 Februari 2020 hingga 1 Mac 2020. Jumlah jangkitan tempatan yang terus meningkat

telah memaksa kerajaan Malaysia mengambil langkah yang drastik bagi membendung penularan pandemik Covid-19. Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan pada 18 Mac 2020 di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020. Di bawah perintah kawalan pergerakan ini, orang ramai dinasihatkan supaya berada di rumah sepanjang masa kecuali untuk memenuhi keperluan-keperluan asas. Pengisytiharan ini telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada setiap lapisan masyarakat dan menyebabkan sebahagian besar sektor ekonomi dan komersial di Malaysia terkesan akibat kekangan pergerakan yang telah diisytiharkan.

Perintah kawalan pergerakan yang diisytiharkan ini secara tidak langsung telah menyukarkan pihak-pihak berkontrak menyempurnakan tanggungjawab mereka di bawah kontrak komersial yang telah dimasuki. Pihak-pihak berkontrak terpaksa berhadapan dengan situasi di mana tanggungjawab di bawah kontrak tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaannya, ataupun, tidak dapat dilaksanakan langsung akibat kehilangan pelanggan-pelanggan yang menjadi tonggak utama pelaksanaan kontrak komersial yang telah dimasuki. Oleh itu, bagi melindungi pihak-pihak berkontrak ini daripada dikenakan tindakan undang-undang akibat kegagalan melaksanakan tanggungjawab kontraktual adalah dengan menggunakan klausa *force majeure*. Namun, sejauh manakah konsep *force majeure* ini mampu memberikan perlindungan undang-undang kepada pihak-pihak yang terkesan? Dan apakah

remedi alternatif yang boleh dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang terkesan akibat pandemik Covid-19 jika konsep *force majeure* tidak terpakai kepada mereka?

### DEFINISI DAN KONSEP *FORCE MAJEURE*

Terma *force majeure* ini telah ditakrifkan dalam Kamus Undang-Undang Black sebagai 'satu situasi atau kesan yang tidak boleh dijangka atau dikawal.' Chitty on Contracts (2012) mentakrifkan terma *force majeure* sebagai terma yang kebiasaannya digunakan bagi menjelaskan satu terma kontraktual di mana satu atau kedua-dua pihak berkontrak mempunyai hak bagi membatalkan kontrak yang dimasuki atau dikecualikan daripada melaksanakan kesemua atau sebahagian daripada tanggungjawab kontraktual, apabila terjadinya sesuatu peristiwa atau situasi yang tidak dapat dikawal dan dijangka oleh pihak-pihak berkontrak.

Menurut kes RHB Capital Bhd v Carta Bintang [2012] 10 MLJ 469, mahkamah menyatakan bahawa klausa *force majeure* secara umumnya bertujuan mendedahkan risiko yang tidak dapat dijangka dan dikawal oleh pihak-pihak berkontrak. Secara asasnya, klausa *force majeure* ini mampu melepaskan pihak-pihak berkontrak daripada tanggungjawab kontraktual apabila berlakunya sesuatu peristiwa atau situasi seperti peperangan, rusuhan atau perbuatan Tuhan, seperti kebakaran, gempa bumi atau banjir.

Merujuk kepada Marel Katsivela (2007) persoalan samada pihak-pihak berkontrak boleh menggunakan klausa *force majeure* bagi melindungi kepentingan mereka di bawah kontrak adalah bergantung kepada terma-terma kontraktual yang telah dipersetujui antara pihak-pihak. Jika kontrak yang dipersetujui

tidak mengandungi klausa *force majeure*, maka adalah mustahil bagi pihak-pihak berkontrak untuk bergantung kepada klausa *force majeure* (namun demikian, konsep doktrin kekecewaan masih terpakai bagi pihak-pihak berkontrak jika kesemua syarat-syarat di bawah doktrin kekecewaan dapat dipenuhi). Jika kontrak yang dimasuki mengandungi klausa *force majeure*, maka langkah seterusnya adalah memastikan situasi atau peristiwa semasa yang terjadi dapat diklasifikasikan di bawah definisi *force majeure*.

Umumnya, persoalan samada sesuatu peristiwa atau situasi boleh diklasifikasikan sebagai *force majeure* adalah bergantung kepada perkataan yang digunakan dalam kontrak. Terdapat tiga cara yang dikenalpasti dalam pembentukan klausa *force majeure* dalam kontrak:

1. Pengkelasan spesifik, apabila perkataan dalam kontrak secara spesifiknya menjelaskan sesuatu peristiwa atau situasi yang membawa kepada *force majeure*; atau
2. Pengkelasan am, apabila kontrak menggunakan perkataan seperti, 'apa-apa peristiwa atau situasi yang tidak dapat dijangka oleh pihak-pihak berkontrak', bagi merujuk kepada *force majeure*; atau,
3. Pendekatan *hybrid*, iaitu, penggunaan kedua-dua pengkelasan spesifik dan am bagi merujuk kepada sesuatu peristiwa atau situasi sebagai *force majeure*.

Dalam kes Tandrin Aviation Holdings Limited v Aero Toy Store LCC and Others [2010] 2 Lloyd's Rep. 668, mahkamah memutuskan bahawa penggunaan perkataan 'lain-lain sebab yang berada di luar jangkauan munasabah' mestilah dinilai berdasarkan konteks penggunaan perkataan

tersebut di bawah kontrak terbabit. Perkataan ‘jangkaan munasabah’ yang menjadi persoalan dalam kes ini hendaklah dibaca bersama dengan keseluruhan perkataan dan ayat yang digunakan dalam klausa *force majeure* terbabit. Jika, setelah diteliti keseluruhan klausa *force majeure* tersebut tidak mempunyai niat untuk mengklasifikasikan sesuatu peristiwa atau situasi sebagai *force majeure*, maka mahkamah tidak akan membenarkan permohonan pihak-pihak berkontrak untuk menggunakan klausa *force majeure* bagi melindungi diri mereka daripada tindakan undang-undang.

Klausa *force majeure* tidak ditafsir secara berasingan, tetapi secara bersama dengan peruntukan-peruntukan lain di bawah kontrak. Menurut kes *Crest Worldwide Resources Sdn Bhd v Fu Sum Hou* dan satu lagi [2019] MLJU 512, keseluruhan intipati dan tujuan kontrak akan dilihat dan dinilai sebelum mahkamah membenarkan permohonan pihak-pihak berkontrak untuk menggunakan klausa *force majeure* di bawah kontrak.

McCardie J dalam kes *Lebeaupin v Crispin & Co* [1920] 2 KB 714, memutuskan bahawa klausa *force majeure* digunakan dengan merujuk kepada peristiwa atau situasi yang tidak dapat dijangka atau dikawal oleh manusia. Peperangan, banjir dan wabak penyakit boleh diklasifikasikan sebagai *force majeure*, namun demikian, bagi menentukan samada sesuatu peristiwa atau situasi itu boleh diklasifikasikan sebahagian daripada *force majeure* ataupun tidak, perkataan-perkataan yang digunakan di bawah kontrak hendaklah dilihat dan diteliti bersama-sama dengan terma-terma yang terkandung di bawah kontrak terbabit.

Rujukan spesifik terhadap perkataan-perkataan yang digunakan dalam klausa *force majeure* dapat membantu pihak-pihak berkontrak mengemukakan

permohonan bagi menggunakan klausa *force majeure*. Dalam kes *Caltex Oil v Howard Smith Industries Pty Ltd* [1973] 2 NSWLR 89, Reynolds JA memutuskan bahawa perkataan ‘lain-lain kejadian diluar jangkaan pihak-pihak’ adalah termasuk demonstrasi mogok pekerja dalam industri. Ini disokong oleh Bailhache J dalam kes *Matsoukis v Priestman & Co* [1915] 1 KB 681, di mana ianya diputuskan bahawa *force majeure* turut merujuk kepada kesulitan untuk meneruskan perniagaan akibat demonstrasi mogok pekerja dan kesulitan untuk mengakses mesin di kilang pekerja, tetapi tidak termasuk cuaca buruk, perlawanan bola ataupun upacara pengebumian. Oleh itu, rujukan spesifik terhadap perkataan ‘mogok’ adalah tidak perlu, namun, ianya adalah masih digalakkan bagi pihak-pihak berkontrak supaya lebih spesifik dalam penggunaan perkataan-perkataan dalam klausa *force majeure*.

Christopher Clarke J memutuskan dalam kes *Thames Valley Power Ltd v Total Gas & Power Ltd* [2006] 1 Llyod’s Rep 441 bahawa tekanan ekonomi yang dihadapi semasa pelaksanaan kontrak tidak boleh digunakan sebagai satu peristiwa atau situasi yang boleh menjustifikasikan penggunaan klausa *force majeure*. Dalam kes *Global Destar (M) Sdn Bhd v Kuala Lumpur Glass Manufacturers Co Sdn Bhd* [2007] MLJU 91, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa ‘tekanan ekonomi’ tidak tergolong dalam definisi ‘lain-lain keadaan’ yang diperuntukkan di bawah klausa *force majeure*. Ini adalah kerana jatuh dan bangun sesuatu perniagaan akibat keadaan ekonomi semasa adalah satu risiko yang boleh dijangka dan dihadapi oleh pihak-pihak berkontrak. Keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi ini telah dipersetujui oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Malaysia Land Properties Sdn Bhd* (sebelumnya dikenali sebagai *Vintage Fame Sdn Bhd*) v *Tan Peng Foo* [2014] 1 MLJ 718.

Beban pembuktian situasi *force majeure* terletak pada pihak yang ingin menggunakan klausa *force majeure* bagi melepaskan dirinya daripada tanggungjawab kontraktual. Pihak ini mestilah membuktikan bahawa sesuatu peristiwa atau situasi yang berlaku adalah diluar jangkaan munasabah dan telah menyukarkan dan menghalang pelaksanaan tanggungjawab kontraktual pihak terbabit. Kesan kejadian *force majeure* yang berjaya dibuktikan adalah tertakluk sepenuhnya kepada klausa *force majeure* di bawah kontrak. Sesetengah klausa *force majeure* di bawah kontrak memperuntukkan kontrak tersebut atau sebahagian tanggungjawab kontraktual dibatalkan serta merta. Sesetengah klausa *force majeure* di bawah kontrak hanya memperuntukkan penggantungan tanggungjawab kontraktual sepanjang kejadian *force majeure*, seperti yang telah diputuskan dalam kes *Continental Grain Export Corp v S.T.M Grain Ltd* [1979] 2 Lloyd's Rep 460 dan *Classic Maritime Inc v Limbungan Makmur Sdn Bhd and another* [2019] 2 All ER 622, di mana klausa *force majeure* memberikan hak kepada pihak-pihak berkontrak untuk menamatkan kontrak jika situasi *force majeure* ini berlanjutan dalam satu tempoh masa yang ditetapkan di bawah kontrak.

#### PANDEMIK COVID-19 DAN *FORCE MAJEURE*

Pihak-pihak berkontrak yang berhasrat untuk menggunakan klausa *force majeure*, perlu memastikan adanya peruntukan klausa *force majeure* dalam kontrak yang telah dipersetujui. Jika ada peruntukan klausa *force majeure* dalam kontrak, langkah seterusnya adalah memastikan bahawa klausa *force majeure* tersebut meliputi kejadian pandemik Covid-19.

Tidak ada peraturan khusus yang menyatakan samada pandemik Covid-19 boleh diklasifikasikan sebagai *force majeure*. Ianya adalah tertakluk sepenuhnya kepada penggunaan perkataan yang digunakan dan skop klausa *force majeure* di bawah kontrak. Perkataan seperti 'wabak', 'epidemik' atau 'pandemik' sepatutnya memadai bagi meliputi kejadian pandemik Covid-19. Penggunaan perkataan seperti 'arahan kerajaan' dalam klausa *force majeure* juga adalah penting untuk diambil kira dalam menentukan samada sesuatu peristiwa atau situasi sebagai *force majeure*, kerana seperti sedia maklum, tanggungjawab kontraktual yang tidak dapat disempurnakan itu adalah kesan langsung daripada arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan supaya sektor ekonomi digantung buat sementara waktu bagi membendung penularan pandemik Covid-19.

Selain daripada kewujudan klausa *force majeure* dalam kontrak, antara perkara lain yang perlu diberi perhatian adalah ketidakboleh jangkaan pihak-pihak berkontrak akan peristiwa atau situasi luar biasa yang tidak boleh dikawal sepanjang tempoh pelaksanaan tanggungjawab kontraktual. Dalam konteks semasa pandemik Covid-19 ini, jika kontrak dimasuki dan dipersetujui sebelum pandemik Covid-19 ini ditemui dan dikenalpasti, tiada isu yang akan timbul jika pihak-pihak berkontrak berjaya membuktikan bahawa pandemik Covid-19 ini merupakan punca kesukaran melaksanakan tanggungjawab kontraktual. Namun demikian, jika kontrak dimasuki dan dipersetujui pada awal tahun 2020, pihak-pihak berkontrak akan menghadapi kesukaran untuk membuktikan ketidakboleh jangkaan akan kesan pandemik Covid-19 ini kepada pelaksanaan tanggungjawab kontraktual.

Kes Asia Pacific Resources Pty Ltd v Forestry Tasmania (No 2) (1998) Aust Contract R 90 - 095 (Supreme Court of Tasmania, 5-7) menjelaskan peraturan am di mana pihak-pihak berkontrak tidak boleh menggunakan klausa *force majeure* atas sebab 'kejadian yang tidak dapat dijangka atau dikawal oleh pihak-pihak', di mana, pihak-pihak berkontrak mempunyai pengetahuan tentang kejadian yang tidak dapat dijangka atau dikawal itu semasa kontrak dimasuki dan dipersetujui. Kes ini hendaklah dibezakan dengan kes Reardon Smith Line Ltd v Ministry of Agriculture, Fisheries and Food [1962] 1 QB 42 di mana Seller LJ memutuskan bahawa tiada peraturan khusus yang boleh menghalang pihak-pihak berkontrak daripada menggunakan klausa *force majeure*, walaupun pihak-pihak berkontrak tersebut mempunyai pengetahuan akan peristiwa atau situasi yang tidak dapat dijangka atau dikawal, pada masa kontrak dimasuki dan dipersetujui. Mahkamah dalam kes ini menggunakan contoh situasi demonstrasi mogok pekerja dan peperangan, di mana pihak-pihak berkontrak boleh memasuki kontrak ketika situasi mogok dan peperangan, dan mereka masih mempunyai hak untuk menggunakan peruntukan klausa *force majeure* jika tanggungjawab kontraktual tidak dapat dilaksanakan, tertakluk kepada pembentukan kontrak terbabit. Pembentukan kontrak yang dimaksudkan di sini membawa maksud peristiwa atau situasi yang menjadi pertikaian itu mestilah dinyatakan dengan jelas di bawah klausa *force majeure*, supaya mahkamah boleh mengenalpasti niat pihak-pihak untuk memasuki kontrak terbabit.

Kerr J dalam kes Trade and Transport Inc v Iino Kaiun Kaisha Ltd, The Angelia [1973] 2 All ER 144 memutuskan jika pihak-pihak berkontrak mempunyai pengetahuan ataupun secara munasabahnya tahu bahawa kontrak yang dimasuki dan dipersetujui, mustahil untuk dilaksanakan, maka pihak-pihak berkontrak ini adalah dilarang

daripada menggunakan klausa *force majeure* untuk melepaskan tanggungjawab kontraktualnya.

Dalam kes Hoecheong Products v Cargill Hong Kong [1995] 1 WLR 404, mahkamah telah memutuskan bahawa, pemberian notis kepada pihak-pihak berkontrak merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi sebelum pihak-pihak berkontrak membuat keputusan untuk menggunakan klausa *force majeure*. Walaubagaimanapun, persoalan samada pemberian notis *force majeure* pada masa yang telah ditetapkan dan melalui kaedah pemberian notis di bawah peruntukan klausa *force majeure*, adalah persoalan yang merujuk kepada pembentukan klausa *force majeure* terbabit. Kegagalan memberikan notis *force majeure* tidak menghalang pihak-pihak berkontrak daripada terus menggunakan klausa *force majeure* walaupun ia mungkin mengakibatkan pembayaran gantirugi akibat ketidakpatuhan terhadap prosedur yang telah ditetapkan di bawah kontrak.

Lord Esher dalam kes Bulman & Dickson v Fenwick & Co [1894] 1 QB 179 menyatakan bahawa klausa *force majeure* yang diperuntukkan dalam kontrak tidak memberikan hak kepada pihak berkontrak untuk 'berdiam diri dan tidak berbuat apa-apa sahaja'. Klausa *force majeure* ini hanya boleh digunapakai jika pihak-pihak berkontrak telah mengambil semua langkah-langkah munasabah untuk mengelakkan kerugian ke atas kontrak yang telah dimasuki dan dipersetujui. Dalam kes Reardon Smith Line v Ministry of Agriculture, Fisheries and Food [1963] AC 691, mahkamah memutuskan bahawa pihak-pihak berkontrak hendaklah mengambil kira kepentingan komersial pihak-pihak yang berkepentingan, dengan mengambil segala langkah-langkah munasabah bagi mengurangkan kerugian ke atas kontrak yang terjejas akibat kejadian *force majeure*.

Keadaan semasa pandemik Covid-19 yang berlaku secara tiba-tiba ini memungkinkan banyak pihak-pihak berkontrak yang terpaksa menggunakan klausa *force majeure*, walaupun segala langkah-langkah munasabah telah diambil bagi mengurangkan kerugian kontrak yang terjejas. Persoalan samada pihak-pihak berkontrak ini telah mengambil segala langkah-langkah munasabah bagi mengurangkan kerugian kontrak yang terjejas sebelum menggunakan klausa *force majeure* merupakan satu persoalan yang bakal menimbulkan perdebatan.

Jika tiada klausa *force majeure* dalam kontrak yang telah dipersetujui, pihak-pihak berkontrak boleh merujuk kepada doktrin kekecewaan kontrak. Sebuah kontrak dikecewakan apabila adanya peristiwa atau situasi yang tidak dapat dikawal atau dijangka telah menyebabkan tanggungjawab kontraktual tidak dapat disempurnakan dan dilaksanakan. Seksyen 57(2) Akta Kontrak 1950 menyatakan apabila sebuah kontrak yang telah dimasuki dan dipersetujui, namun atas sebab sesuatu peristiwa atau situasi yang tidak dijangka atau diramal oleh pihak-pihak berkontrak, tanggungjawab kontraktual tidak dapat dilaksanakan atau disempurnakan, maka kontrak yang telah dimasuki dan dipersetujui ini akan terbatal.

Lord Simon dalam kes *National Carriers Ltd v Panalpina (Northern) Ltd* [1981] AC 675, menjelaskan dalam penghakimannya bahawa doktrin kekecewaan kontrak terjadi apabila terjadinya sesuatu kejadian luar biasa (tanpa pelanggaran terma kontrak oleh mana-mana pihak berkontrak) yang telah merubah sifat kontrak yang telah dimasuki itu, di mana adalah mustahil bagi pihak-pihak berkontrak untuk melaksanakan tanggungjawab kontraktual pihak-pihak yang terlibat. Dalam keadaan ini, ianya

adalah perlu bagi mahkamah melepaskan pihak-pihak berkontrak daripada tanggungjawab kontraktual mereka.

Doktrin kekecewaan ini mempunyai kesan yang sama dengan klausa *force majeure*, di mana ia melepaskan pihak-pihak berkontrak daripada tanggungjawab kontraktualnya, jika sesuatu kejadian luar biasa telah mengganggu pelaksanaan kontrak terbabit. Walaubagaimanapun, doktrin kekecewaan ini sukar dibuktikan kerana mahkamah pada kebiasaanya agak keberatan untuk mengganggu hubungan kontraktual yang telah dipersetujui antara pihak-pihak terlibat. Contohnya, dalam kes *Pacific Forest Industries Sdn Bhd & Anor v Lin Wen-Chih & Anor* [2009] 6 MLJ 293, di mana Mahkamah Persekutuan dalam kes ini memutuskan bahawa sebuah kontrak itu tidak dikecewakan hanya kerana pelaksanaan kontrak terbabit sukar untuk dilaksanakan. Apabila kontrak dikecewakan, pihak-pihak berkontrak akan dilepaskan daripada tanggungjawab kontraktual mereka. Kesan doktrin kekecewaan ini adalah lebih drastik jika dibandingkan dengan *force majeure*, di mana *force majeure* hanya menggantung pelaksanaan kontrak pada masa peristiwa atau situasi yang tidak dijangka dan diramal itu berlaku, melainkan jika kontrak memperuntukkan penamatan kontrak secara automatik atau jika pihak-pihak berkontrak menggunakan hak mereka seperti yang diperuntukkan di bawah kontrak untuk menamatkan kontrak tersebut.

## KESIMPULAN

Pandemik Covid-19 merupakan satu situasi yang telah menjejaskan kehidupan seharian setiap lapisan masyarakat daripada aspek kesihatan, sosial dan ekonomi. Tiada kata putus tentang bilakah rantaian pandemik Covid-19 ini akan terputus dan berakhir. Masyarakat disaran meneruskan kehidupan

seharian berpandukan norma baharu dan prosedur operasi standard yang diperkenalkan oleh kerajaan. Ekonomi tempatan dan antarabangsa terpaksa diteruskan bagi membantu pendapatan negara dan rakyat. Oleh yang demikian, pihak-pihak berkontrak dinasihatkan untuk menyemak semula semua kontrak yang telah dimasuki dan dipersetujui sebelum penularan pandemik Covid-19 bagi memastikan hak perundangan mereka dilindungi. Bagi pihak-pihak yang berhasrat untuk memasuki kontrak, beberapa perkara hendaklah dipertimbangkan agar hak dan kepentingan pihak-pihak berkontrak dilindungi dan kontrak tersebut bersedia akan risiko yang terpaksa dihadapi pada masa hadapan.

Antara langkah-langkah yang perlu diberi perhatian adalah penggunaan perkataan dan ayat yang membentuk klausa *force majeure* dalam kontrak yang akan dimasuki. Penggunaan perkataan spesifik yang secara jelasnya merujuk kepada pandemik Covid-19 boleh dimasukkan di bawah takrifan klausa *force majeure*. Selain daripada itu, pihak-pihak yang berkontrak juga hendaklah memastikan bahawa adalah tidak mustahil bagi mereka untuk melaksanakan tanggungjawab kontraktual mereka di keadaan semasa ini dan niat untuk meneruskan perhubungan kontraktual ini dapat dilihat dengan jelas dalam kontrak. Berdasarkan kenyataan media bertarikh 11 Disember 2020, Persatuan Pemain Bolasepak Profesional Malaysia telah meminta semua pasukan yang bersaing di bawah Liga Malaysia menggunakan Kontrak Pemain Profesional yang baharu berkuatkuasa 19 November lalu. Kontrak Pemain Profesional yang baharu ini telah memperkenalkan peruntukan klausa *force majeure* yang pertama kali diperkenalkan dalam sejarah kontrak bola sepak di Malaysia. Ini adalah selaras dengan keperluan keadaan semasa, di mana kepentingan undang-undang pihak-pihak berkontrak hendaklah

dilindungi bagi menjamin hubungan kontraktual yang lebih baik.

## RUJUKAN

- Ahmad Afiq Hasan & Nuraishah Chua Abdullah. 2012. Doctrine of Frustration as the Second Level of Protection: The Case of Travellers. *Proceedings of the International Conference on Consumerism 2013 (ICC2013): Consumer Sovereignty in the Global Era*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Beale H. 2012. *Chitty on Contract*. London: Sweet & Maxwell.
- Cheong MF. 2010. *Contract Law in Malaysia*. Selangor: Sweet & Maxwell Asia.
- Garner, Bryan A & Henry Campbell Black. 2009. *Black's Law Dictionary*. St. Paul, Minnesota: West.
- Katsivela M. 2007. Contracts: Force Majeure Concept or Force Majeure Clauses? *Uniform Law Review*, (12), Issue 1:101-119
- McKendrick E. 1995. Force Majeure and Frustration – The Consequences of Frustration – The Law Reform (Frustrated Contracts) Act 1943, E. (Ed.) Force Majeure and Frustration of Contract. London: Lloyd's of London Press Ltd.
- Pasukan Liga M diminta guna kontrak baharu pemain. Berita Harian Online*. 11 Disember 2020. <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2020/12/764173/bhplus> (akses pada 14 Disember 2020).
- Paulus JR & Meeuwig DJ. 1999. Force Majeure – Beyond Boilerplate. *Alberta Law Review* 37(2) : 302-315



Nazirah Kamaruzaman  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Email: nazirah.kamaruzaman@ukm.edu.m  
y